

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT,
'LOCAL AGENDA 21' DAN PEMBANGUNAN MAMPAN
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.3/2017**

Tarikh : **21 November 2017 (Selasa)**

Masa : **2.30 petang – 4.30 petang**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor**

KEHADIRAN

1. Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari, - Pengerusi
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang;
2. Encik Tong Jeng Harnng
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sepang Putra;
3. Encik Titus Gladwyn a/l Gomez
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon BBST Selatan;
4. Encik Kong Tuck Wah
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Desa Putra;
5. Encik Radzali bin Kasim,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sungai Merab;
6. Encik Gun Chee Hui
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Kota Warisan;
7. Encik Mohamad Jamalulail bin Hamzah
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Labu;
8. Encik Nor Azmi bin Saonan
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Pinggiran Putra;

9. Encik Thiban a/l Subramaniam
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Arked
10. Puan Suhana Binti Shamsuddin
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA)
11. KPL Kogielavani Aryasamy
IPD Sepang
12. Puan Rohaya binti Jaafar
Pejabat Pendidikan Daerah Sepang;
13. Puan Zafreeda Aryati binti Sakariah
Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang;
14. Encik Mohd. Shah bin Hambali,
Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)
15. Puan Norazean binti Mohd Nor,
Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)
16. Encik Mohd. Hamim bin Ali
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang
17. Puan Nur Hafizah binti Mohd. Shahidin
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
18. Encik Mohd. Shohad bin Muzakir
Pejabat Agama Islam Daerah Sepang
19. Puan Siti Ashliza binti Che Mat Razali
AADK Daerah Sepang
20. Encik Ian Goh
OBIKE Sdn .Bhd.
21. Encik Alexander Chew
OBIKE Sdn. Bhd.

TURUT HADIR

22. Puan Rozeta binti Md. Yusuf
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
23. Tuan Hj. Ahmad Saifunazif bin Mat Yatim,
Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Sepang
24. Puan Norhazirah binti Mat Desa
Unit Perundangan, Majlis Perbandaran Sepang
25. Encik Mohd Hazrul bin Che Rus,
Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang
26. Puan Norita binti Ahmad Patanah,
Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Sepang;
27. Encik Mohd. Azran bin Musa
Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Sepang
28. Puan Afra'fardillah binti Zaimustapar
Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Sepang
29. Encik Noor Halif bin Noor Zan,
Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja, Majlis Perbandaran Sepang
30. Encil Fahmy Bin Tumut,
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Sepang
31. Encik Ahmad Sahir bin Mohd Nor
Unit Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Sepang
32. Encik Firdaus bin Khairul Anuar
Unit Tender Dan Kontrak, Majlis Perbandaran Sepang
33. Puan Hasnidar binti Ali
Unit Perkhidmatan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
34. Puan Mardiana binti Mohd. Kunju
Unit Perkhidmatan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
35. Puan Norhalizah binti Md. Jani
Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

36. Encik Mohd Adham bin Mahmood,
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang;
37. Puan Nurulhuda binti Zainal Abidin
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang;
38. Cik Nur Farhana binti Mohd. Nor
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang;
39. Encik Ibnu Walid bin Zaaba
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang;

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

40. Puan Suziana binti Musa
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
41. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
42. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
43. Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor
44. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sepang
45. Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang
46. Jabatan Belia & Sukan Daerah Sepang
47. Jabatan Imigresen Negeri Selangor
48. Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor
49. Pejabat Pembangunan Negeri Selangor
50. Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Sepang

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN Pengerusi

Timbalan Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini merupakan mesyuarat kali ketiga (3) bagi Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kepentingan dan signifikan IOT (Internet of Thing) atau pembangunan berorientasikan 'Smart City' kerana secara tidak langsung memudahkan kelangsungan kehidupan seharian serta meningkatkan kualiti hidup penduduk itu sendiri dan negara amnya. Tuan Pengerusi juga memohon kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini berperanan mengikut fungsi jabatan masing-masing.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.2/2017

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat dan Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang Bil.2/2017 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Perlaksanaan 'Bike Share'

Pihak majlis telah membuat lawatan tapak di sekitar Cyberjaya pada 19 Oktober 2017 bagi memantau perlaksanaan projek 'Bike Share' yang telah dilaksanakan oleh pengusaha 'Bike Share' di sekitar Cyberjaya.

Pihak majlis dalam proses untuk menambahbaik perlaksanaan "Bike Share" di Cyberjaya dengan meneliti semula perletakan basikal 'Bike Share' dan penyelerasan antara pihak Majlis dengan pengusaha-pengusaha 'Bike Share' yang lain seperti Obike, Oride, Cycledios dan Mobike. Antara perkara-perkara yang akan diperincikan adalah daripada aspek kesesuaian lokasi, penguatkuasaan, pengiklanan dan standard prosedur kerja (SOP), kemudahan laluan, sistem dan lain-lain.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja
Unit ICT, MPSepang

3.2 Cadangan Usahasama MPSepang dan SEDA Malaysia Bagi Program Low Carbon Building. Pilot Projek Cyberjaya (Online Energy Monitoring System)

Isu 'network' atau internet 'point' di bilik MSB, Bangunan Majlis Perbandaran Sepang telah selesai proses pemasangan network antara Unit Teknologi Maklumat dan pihak SEDA yang telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2017.

Tindakan :

SEDA Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Unit Teknologi Maklumat, MPSepang

3.3 Cadangan Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya 2025' (Cyberjaya : Smart & Low Carbon City 2025' Untuk Majlis Perbandaran Sepang.

Pelan Tindakan@'Blueprint Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya telah disiapkan sepenuhnya. Laporan telah diperakukan di Mesyuarat Penuh MPSepang bertarikh 10 November 2017.

Pelan Tindakan ini akan dilancarkan semasa Seminar 'Smart City@Sepang' pada 28 November 2017 (Selasa).

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan MPSepang
Jabatan / Agensi Persekutuan / Negeri, Stakeholder / Pemaju Cyberjaya

3.4 Cadangan Latihan Kecekapan Tenaga 'Energy Efficiency' Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang Secara Kolaborasi dengan SEDA Malaysia

Satu latihan kecekapan tenaga (MS1525) oleh pihak SEDA akan diadakan dengan pihak MPSepang. MS1525 ini juga merupakan salah satu tajuk utama dalam Seminar 'Smart City@Sepang' 2017

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang
SEDA Malaysia

3.5 Pelaksanaan Dan Penglibatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dalam *Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project*

Pelaksanaan akan dilaksanakan secara berperingkat dan satu kertas kerja berkaitan Waste for Energy akan dibentangkan oleh Puan Norazean Mohd Nor daripada SEDA Malaysia.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang
SEDA Malaysia

3.6 Cadangan Pelaksanaan EPC (Energy Performance Contract) Bagi Pemasangan Lampu LED (Light Emitting Diode) Di Cyberjaya Di Bawah Inisiatif 'Smart & Low Carbon City', Majlis Perbandaran Sepang

Pihak Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa terdapat lebih kurang lima (5) syarikat yang menawarkan pelaksanaan dan ROI yang berbeza kepada pihak MPSepang. Justeru itu, satu analisa dan perincian akan diadakan dan akan dimaklumkan kemudian.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.7 Cadangan Pelaksanaan 'Food Waste Composting' Peringkat Majlis Perbandaran Sepang di bawah inisiatif 'Smart & Low Carbon City' MPSepang ; Pilot Projek : Belakang Kafeteria, MPSepang

Projek ini adalah bersama Jabatan Landskap, Kantin Sekolah dan MARDI. Laluan pejalan kaki yang mengandungi ruang kompos Sisa Makanan telah siap pada 28 September 2017 sepanjang 39 meter dan baja kompos tersebut telah dihantar kepada MARDI bagi tujuan kualiti baja.

Tempat pengkomposan baja dalam proses rekabentuk oleh Jabatan Landskap dan akan dilaksanakan pada Disember 2017.

Manakala, Satu Bengkel Training for Trainers Food Waste Composting akan diadakan bersama Pengusaha-pengusaha kantin sekolah di Daerah Sepang yang dijadualkan pada bulan Disember 2017.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Landskap, MPSepang
Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja

3.8 Cadangan Kebun Komuniti Bagi Tahun 2017

- i. Kebun Komuniti Untuk Warga Majlis Perbandaran Sepang**
- ii. Kebun Komuniti di Dengkil**

- i. Sejumlah 'Planter Box' bersama biji benih pokok renek seperti cili dan lain-lain akan diadakan di perkarangan Majlis dan akan melibatkan semua Jabatan dan Zon JPP. Cadangan tarikh program akan diadakan pada Disember 2017.
- ii. Kebun Komuniti di Taman Dengkil Jaya akan dilaksanakan di bawah Program Penjenamaan semula Imej Bandar Taman Dengkil Jaya pada 16 Disember 2017. Sebahagian kerja-kerja melibatkan peruntukan Caj Pemajuan yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Landskap.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MP Sepang
Jabatan Landskap, MP Sepang

3.9 Cadangan Kajian Kesejahteraan Penduduk Daerah Sepang oleh Universiti Islam Malaysia (UIM) dan MP Sepang

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan kaji selidik kesejahteraan bandar ini. Walaubagaimanapun, segala kos membiayai bagi melaksanakan kajian ini adalah di bawah tanggungjawab UIM (Universiti Islam Malaysia) dan Mesyuarat yang berterusan perlu dijalankan dari masa ke semasa. Satu jawatankuasa 'Task Force' atau jawatankuasa memandu kajian boleh ditubuhkan bagi menjalankan kajian ini.

Satu (1) Mesyuarat penyelarasan akan diatitkan semula dengan pihak UIM kerana tarikh mesyuarat sebelum ini bertindih dengan cuti peristiwa atas kejayaan Malaysia menganjurkan Sukan Sea.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MP Sepang
Semua Jabatan

3.10 Cadangan Pelaksanaan ‘Smart Waste Management di Cyberjaya’ (Pemasangan IOT Di Kebuk Sampah Bagi Perumahan Berbilang Tingkat)

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ‘Smart Waste’ ini dengan syarat perlu menyelesaikan masalah berbangkit dan tanpa sebarang kos. Pihak ANGKASA, MOSTI akan membentangkan projek ini di Seminar Smart City@Sepang pada 28 November 2017 dan satu(1) mini ‘booth’ atau pameran teknologi ini akan dipamerkan semasa Seminar tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar,
Unit Perkhidmatan Bandar
ANGKASA, MOSTI

4.0 PERKARA YANG DI BINCANGKAN

4.1 KERTAS 1 : Cadangan Pelaksanaan Kajian Bertajuk “Detail Site Suitability and Business Model Study for on-site Waste Processing” di Bawah Komponen 3 (GTALCC) : Low Carbon Technology Investments in Cities oleh SEDA Malaysia

- Cadangan kajian ini telah disampaikan oleh Puan Norazean Mohd Nor daripada SEDA Malaysia. Kajian ini melibatkan projek di bawah GTALCC (Green Technology Application Low Carbon City) dengan peruntukan kajian daripada SEDA Malaysia dan UNDP dengan kos RM60 Ribu Sahaja dengan cadangan kos RM50 Ribu dibiayai oleh pihak SEDA Malaysia dan RM10 Ribu daripada pihak MPSepang. Perincian adalah seperti berikut :
 - Profesional Fee kajian : RM50,000 (SEDA Malaysia)
 - Waste Characterisation Study : RM10,000 (MPSepang)
- Tempoh kajian ini akan mengambil masa selama enam (6) minggu sahaja dan paling lama selama dua (2) bulan.
- Pemilihan Perunding kajian dan penyelarasan kajian ini akan dipantau secara terus oleh SEDA Malaysia.
- Skop kajian terperinci adalah seperti berikut :
 1. **Establish Municipal Solid Waste (MSW) Baseline**
 - 1.1 Review Existing Records
 - 1.2 Undertake discussions and interviews
 - 1.3 Collate information.
 - 1.4 Establish Baseline

2. Establish MSW Management Cost Structures

- 2.1 Tipping fees
- 2.2 Garbage Collection Costs
- 2.3 Other Costs
- 2.4 Establish Baseline Positions

3. Energy and Mass Balance

- 3.1 Undertake Waste Characterisation of 1 sample.
- 3.2 Develop typical waste profile of Cyberjaya.
- 3.3 Comparison with National Waste Composition.
- 3.4 Establish Waste Characteristic Baselines.

4. Develop Solutions and Project Definitions.

- 4.1 Immediate Project.
- 4.2 Long term incremental investment

5. Develop Business Models for Selected Project.

- 5.1 Feedstock and offtaker analysis
- 5.2 Investment Cost
- 5.3 Infrastructural Requirements
- 5.4 Tangible Benefits
- 5.5 Impact to MPS
- 5.6 Implementation strategy

6. Action Plan

- 6.1 Potential location
- 6.2 Collaborators & Partners
- 6.3 Offtake of final products by MPS
- 6.4 Work Plan

Keputusan Mesyuarat :

- Mesyuarat secara dasarnya tiada halangan terhadap cadangan kajian ini dengan kos utama dibiayai oleh pihak SEDA Malaysia dan penyelarasan bagi kajian ini perlu dibuat daripada semasa ke semasa.
- Mesyuarat mengambil maklum mengenai skop kajian seperti di atas dan tindakan selanjutnya adalah menunggu surat tawaran daripada pihak SEDA Malaysia serta prosedur selanjutnya.


Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Perkhidmatan Bandar, MPSepang
SEDA Malaysia (GTALCC)

4.2 **KERTAS 2 : Cadangan Sistem Keselamatan Bercirikan Internet of Thing (IOT) Generasi Baru Untuk Konsep Bandar Selamat (Building The Next Generation IoT Security Platform) oleh syarikat SR Two Solution Sdn Bhd**

- Pihak Majlis telah menerima surat daripada syarikat SR Two Solution Sdn Bhd untuk membentangkan kepada pihak Majlis berhubung Sistem Keselamatan Bercirikan Internet of Thing (IOT) Generasi Baru Untuk Konsep Bandar Selamat (Building The Next Generation IoT Security Platform).
- Syarikat ini menawarkan teknologi berkaitan dengan IOT seperti berikut :

SRTWO SOLUTION
 Distributor, Consultant & Trainer for CCTV, Body Worn Camera, Thermal Radar Solution, Access Control Solution, Wireless Alarm System, Wireless Network, Industrial Network Switches, AAA System



Keputusan Mesyuarat :


Mesyuarat secara dasarnya mengambil maklum mengenai produk-produk yang dihasilkan oleh pihak syarikat. Walaubagaimana kebanyakan teknologi yang ditunjukkan, sebahagiannya daripadanya telah dilaksanakan oleh pihak MPSepang.

Tindakan :

- Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
- Unit Teknologi Maklumat, MPSepang
- Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
- Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang


4.3 **KERTAS 3 : Analisa dan Trend laluan (Route) Bike Share di Cyberjaya berdasarkan penggunaan GPS (Jun 2017 – November 2017) oleh syarikat Obike Sdn Bhd**

- Pihak Majlis telah mengambil mengenai operasi Bike Share di Cyberjaya setakat ini adalah bersifat 'trial' dan pihak syarikat Obike telah mengemukakan pembentangan kepada pihak Majlis pada 22 Jun 2017 di Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Cyberjaya untuk mendapatkan kelulusan MP Sepang bagi mengadakan percubaan bagi operasi ' Bike Share' untuk tempoh enam (6) bulan di Cyberjaya.
- Lokasi-lokasi perletakkan basikal pada masa ini diletakkan di perhentian bas di Cyberjaya serta beberapa premis bangunan persendirian (MC) seperti Shaftbury dan lain-lain.
- Mesyuarat secara dasarnya tiada halangan terhadap tempoh percubaan selama enam (6) bulan hingga lapan (8) bulan oleh pihak Obike Sdn Bhd bagi tujuan analisa dan mengenalpasti laluan yang sering digunakan oleh pengguna 'Bike Share'.



- Analisa menunjukkan bahawa laluan yang paling kerap digunakan berdasarkan tracking melalui GPS adalah Persiaran Multimedia dan Persiaran Bestari.

Bike Tracking for 7 days (Cyberjaya)



* The unusual line is due to disconnect of GPS, or user switch off/disconnect bluetooth.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat secara dasarnya mengambil maklum mengenai analisa dan trend (route) laluan bike share yang sering digunakan oleh orang awam berdasarkan tracking GPS di basikal tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang
Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja, MPSepang
Obike Sdn Bhd

4.4 **KERTAS KERJA 4 : Statistik Jenayah Kekerasan/Jalanan dan Jenayah Harta Benda Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Bagi Tahun 2017 (Data sehingga Oktober 2017)**

Pembentangan disampaikan oleh IPD Sepang dan berdasarkan statistik kes jenayah dan harta benda secara perbandingan bagi tahun 2016 dan tahun 2017 sehingga Oktober 2017 (Julai – Oktober) menunjukkan terdapat penurunan kes sebanyak 18.18 peratus bagi kes jenayah kekerasan, manakala 27.27 peratus bagi kes harta benda.

Kawasan Hotspot menunjukkan bahawa dalam tempoh (Julai – Oktober 2017) bagi kes jenayah harta benda, kawasan Dato' Abu Bakar Baginda (DABB) mencatatkan kes paling tinggi iaitu 42 kes dan diikuti dengan Putra Perdana sebanyak 37 kes dan Cyberjaya 32 kes.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan statistik jenayah yang disampaikan oleh IPD Sepang dan mesyuarat bersetuju terhadap cadangan untuk mengadakan kolaborasi berterusan melalui 'Policing Community' yang akan dianjurkan oleh pihak MPSepang bersama pihak IPD Sepang.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
IPD Sepang

4.5 KERTAS KERJA 5 : Makluman pelaksanaan Seminar 'Smart City@Sepang' dan Pelancaran Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya 2025

- Mesyuarat mengambil maklum bahawa Seminar ini akan diadakan pada 28hb November 2017 (Selasa), 8.00 pagi hingga 2.00 petang di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya ;
- Sasaran peserta adalah seramai 400 orang daripada sektor swasta dan 100 orang daripada sektor awam. Berdasarkan rekod pendaftaran sehingga 21 November 2017 menunjukkan pendaftaran telah mencapai target iaitu 400 orang. Dijangkakan seramai 600 orang akan menyertai Seminar 'Smart City@Sepang' ini ;
- Mesyuarat mengambil maklum bahawa penyertaan Seminar ini adalah berbayar dan hanya 100 orang sahaja akan dibiayai melalui MPSepang. 100 orang dibiayai tersebut terdiri daripada Ahli-ahli Majlis, Ketua Jabatan, urusetia, Penceramah jemputan dan penerima penghargaan yang melaksanakan Green Building dan Smart City & Low Carbon serta peserta yang terlibat dengan pameran.
- Seminar ini akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Elizabeth Wong, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor
- Terdapat dua (2) pelancaran semasa Seminar tersebut iaitu :
 - a) Pelancaran Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya
 - b) Pelancaran 'Kick Off' pembangunan Mobile Apps Mobility 'Smart City@Sepang'

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat mengambil maklum bahawa penyertaan telah melebihi sasaran seperti pernyataan di atas.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jawatankuasa Seminar Smart City@Sepang peringkat Jabatan

4.6 **Jawatankuasa Kerja LA21 (Alam Sekitar Mampan) Oleh : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MPSepang**

Pelaksanaan dan pelancaran Program Taska Free Aedes @ MPSepang (Tafes@MPSepang) pada 20hb November 2017 di Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi.

Objektif taFes@MPSepang adalah seperti berikut :

1. **Mendidik, mendedah serta membimbing anak – anak difasa pra sekolah** kepada penekanan ilmu pengetahuan berkaitan penyakit denggi serta tindakan dan amalan – amalan positif dalam pencegahan serta kawalan demam denggi.
2. **Membentuk** serta menahirkan anak – anak menjadi generasi - generasi yang **berpengetahuan, positif** dan menjadi **agen perubah** dalam keluarga.
3. Memastikan keadaan persekitaran **Taska / Tadika/ Pusat jagaan kanak- kanak bersih dan 'FREE' tempat pembiakan.**
4. **Melatih dan membimbing guru – guru / pengasuh** diperingkat pra sekolah dengan pengetahuan serta kemahiran mendalami ilmu berkaitan denggi.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat secara dasarnya mengambil maklum berhubung pelaksanaan Tafes@MPSepang oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

Tindakan :

Jabatan Kesihatan & Persekitaran, MPSepang

4.7 **KERTAS KERJA 6 : Makluman Perancangan dan Pelaksanaan oleh Jawatankuasa Kerja LA21 (Alam Sekitar Mampan) Oleh : Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat**

- Pembentangan disampaikan oleh Puan Zelda Md Zamri, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSepang yang dilaksanakan sejak Januari 2017 hingga Oktober 2017.
- Sebanyak 810 program telah dilaksanakan sehingga Oktober 2017 yang melibatkan pelbagai kategori program.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat Mengambil maklum mengenai program-program yang telah dilaksanakan mengikut Jawatankuasa Perunding Penduduk (Jan - Okt 2017)

Tindakan :

Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSepang

5.0 HAL-HAL LAIN

Tiada

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 5.00 petang